

Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan Terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah di Sabah

(Teaching With a Difference: A Survey of Secondary School History Teachers in Sabah)

Hanita Ladjaharun^{1*}, Anuar Ahmad²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: hanita75harun@yahoo.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: anuarmd@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Hanita Ladjaharun
(hanita75harun@yahoo.com)

KATA KUNCI:

Pengajaran Terbeza
Guru-Guru Sejarah
Sekolah Menengah

KEYWORDS:

Differentiated Teaching
History Teachers
Secondary School

CITATION:

Hanita Ladjaharun & Anuar Ahmad. (2023).
Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan
Terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah
di Sabah. *Malaysian Journal of Social
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1),
e002050.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2050>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan, dan amalan serta cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 233 orang responden yang terdiri daripada guru-guru sejarah sekolah menengah yang mengajar di negeri Sabah. Seterusnya, bagi membuat kutipan data borang soal selidik digunakan. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) edisi 23.0. Seramai 30 orang responden telah dilibatkan dalam satu kajian rintis. Hasilnya, alfa Cronbach bagi keseluruhan item adalah 0.933 bagi keseluruhan 48 item yang diukur. Dapatan menunjukkan kesemua lima aspek yang diukur mencatatkan skor min yang tinggi. Tahap skor min pengetahuan adalah 4.07, penerimaan ialah 4.16, kesediaan adalah 3.72, amalan ialah 3.83 dan cabaran adalah 3.73. Dapatan ini juga menunjukkan min bagi aspek cabaran pada tahap yang tinggi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza walaupun tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan yang tinggi. Oleh itu, diharapkan pihak yang berkenaan sewajarnya meneliti setiap cabaran yang diketengahkan dalam kajian ini. Dengan penelitian dan tindakan sewajarnya dari semua pihak diharapkan guru terus bermotivasi melaksanakan Pengajaran Terbeza yang terbukti keberkesannya dalam kajian-kajian sebelum ini.

ABSTRACT

This study was conducted to find out the level of knowledge, acceptance, readiness, and This study was conducted to find out the level of knowledge, acceptance, readiness, and practice as well as the challenges faced by teachers when implementing Differentiated Teaching. This survey involved a total of 233 respondents who were secondary school history teachers teaching in the state of Sabah. Next, a questionnaire was used to collect data. Data were analyzed

using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software edition 23.0. A total of 30 respondents were involved in a pilot study. As a result, Cronbach's alpha for all items was 0.933 for all 48 items measured. Findings show that all five aspects measured recorded a high mean score. The mean score level of knowledge is 4.07, acceptance is 4.16, readiness is 3.72, practice is 3.83 and challenge is 3.73. This finding also shows the mean for the challenge aspect at a high level when implementing Differentiated Teaching despite the high level of knowledge, acceptance, readiness and practice. The t-test analysis shows that acceptance of Differentiated Teaching among female teachers is higher than that of male teachers. Therefore, it is hoped that the relevant parties should examine each challenge highlighted in this study. With appropriate research and action from all parties, it is hoped that teachers will continue to be motivated to implement Differentiated Teaching, which has been proven to be effective in previous studies.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memberikan sumbangan berkaitan tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan, amalan dan cabaran Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Hasil kajian ini akan membantu pihak Jabatan pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan amalan guru dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza.

1. Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi tunjang dalam sistem pendidikan negara menekankan “usaha berterusan bagi mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” (KPM, 2018). Sehubungan itu, potensi murid turut ditekankan melalui Kurikulum Kebangsaan (KK) iaitu “program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan” (KPM, 2018). Tuntasnya, peranan guru begitu penting bagi memastikan perkembangan potensi setiap murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira kepelbagaian murid. Justeru itu, Pengajaran Terbeza adalah pendekatan yang berkesan kerana mengambil kira kepelbagaian murid.

Menurut [Zurina, Zaharah dan Abdul Muhsien \(2021\)](#) Pengajaran Terbeza adalah pendekatan fleksibel untuk dilaksanakan dalam bilik darjah yang terdiri daripada murid yang mempunyai kepelbagaian dari aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran. Melalui pendekatan Pengajaran Terbeza guru akan membuat pengubahsuaian berdasarkan empat elemen iaitu kandungan, proses, hasil dan persekitaran. Seterusnya, [Hall \(2002\)](#) menyatakan bahawa Pengajaran Terbeza diamalkan kerana kepelbagaian murid dari aspek pengetahuan, kesediaan, bahasa, fokus, minat, dan memberi tindak balas. Pendekatan ini membolehkan murid mempunyai pilihan mendapat idea atau maklumat. Pendapat [Hall \(2002\)](#) disokong oleh kajian [Geviana dan Nurfaradilla \(2021\)](#) serta [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa aspek kepelbagaian

murid penting untuk diketahui oleh guru bagi memastikan keseluruhan murid dapat mengikuti pembelajaran.

Keberkesanan Pengajaran Terbeza di negara ini telah dibuktikan dengan beberapa dapatan kajian lepas. Antaranya ialah, [Najiba et al. \(2014\)](#) menjelaskan Pengajaran Terbeza meningkatkan motivasi dan minat murid sekolah menengah terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Seterusnya, [Wilma dan Faridah \(2018\)](#) menyatakan bahawa Pengajaran Terbeza yang dilaksanakan bagi subjek sains di sekolah rendah telah meningkatkan pencapaian dan motivasi murid. Seterusnya, [Niveetha Mookan, Abdul Razaq dan Norasmah \(2021\)](#) yang menjalankan kajian ke atas 234 orang responden mendapati pendekatan pengajaran guru yang pelbagai dari aspek penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dan pedagogi pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, sewajarnya amalan Pengajaran Terbeza diaplikasikan secara meluas agar dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid.

Seterusnya, kajian-kajian lepas telah memberikan beberapa cadangan kajian lanjutan yang berkaitan tentang Pengajaran Terbeza. [Mazura dan Wak \(2018\)](#) memberikan cadangan agar kajian lebih mendalam dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang keperluan Pengajaran Terbeza dan mengesyorkan Modul Pengajaran Terbeza. Oleh itu, pengkajian yang mendalam berkaitan Pengajaran Terbeza perlu dijalankan bagi mengumpul maklumat untuk menghasilkan modul berkenaan. Seterusnya, [Safiek \(2021\)](#) mencadangkan kajian yang melibatkan lebih ramai sampel dan memberi fokus terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru. Kajian lebih terperinci secara kualitatif dan kuantitatif atau gabungan dilaksanakan agar lebih banyak maklumat diperoleh berkaitan Pengajaran Terbeza. Seterusnya, [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) mencadangkan kajian yang melibatkan guru-guru di sekolah harian atau berasrama penuh dan mengetahui kekangan yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Khas (GPK). Tuntasnya, belum terdapat kajian Pengajaran Terbeza yang memberi fokus terhadap guru sejarah di Sabah. Sehubungan itu, kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh guru juga masih belum dilaksanakan. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan maklumat tambahan tentang Pengajaran Terbeza.

Hasil kajian ini boleh dirujuk oleh penyelidik akan datang untuk mendapat maklumat tambahan tentang Pengajaran Terbeza. Di samping itu, kajian ini sesuai dijadikan rujukan oleh guru-guru sejarah agar dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang Pengajaran Terbeza. Seterusnya, dapatan kajian ini sesuai dijadikan sebagai sumber maklumat oleh pentadbir sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Bahagian Profesionalisme Guru (BPG). Maklumat daripada kajian ini membolehkan pihak berkenaan merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi memastikan pengajaran guru dapat ditingkatkan. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber maklumat bagi menggubal Modul Pengajaran Terbeza seperti yang dicadangkan dalam kajian sebelum ini. Oleh itu, dapatan daripada kajian ini diharapkan menjadi sumber maklumat untuk tindakan sewajarnya bagi pihak-pihak yang berkenaan dalam memastikan Pengajaran Terbeza dapat diperluaskan agar potensi, keterampilan dan kesejahteraan diri murid dapat dikembangkan selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

1.1. Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang memberi fokus terhadap guru-guru sejarah sekolah menengah di Sabah ini ialah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan Pengajaran Terbeza.
- ii. Mengenal pasti tahap penerimaan Pengajaran Terbeza.
- iii. Mengenal pasti tahap kesediaan melaksanakan Pengajaran Terbeza.
- iv. Mengenal pasti tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza.
- v. Mengenal pasti tahap cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza.

2. Sorotan Literatur

Dalam kajian [Mazura Sulaiman dan Wak \(2018\)](#) yang melibatkan 34 orang siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru (IPG) mendapati 80% responden tidak mengetahui tentang Pengajaran Terbeza. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan 80% responden berminat untuk mendalami Pengajaran Terbeza. Kajian lanjutan dicadangkan agar kajian yang lebih mendalam terhadap keperluan Pengajaran Terbeza. Seterusnya, kajian yang melibatkan guru-guru sedang dalam perkhidmatan. Akhir sekali, penyelidik turut mengesyorkan modul, model, kursus Pengajaran Terbeza untuk guru pelatih dan guru sedang berkhidmat.

Seterusnya, kajian [Rosidah dan Nurahimah \(2020\)](#) mendapati tahap pengetahuan dan amalan guru-guru di sekolah menengah Zon Pantai Timur adalah baik. Seterusnya, kajian [Danial Arif \(2020\)](#) yang melibatkan seramai 36 guru sekolah rendah di pedalaman Kategori 3 di daerah Beluran Sabah menunjukkan pengetahuan dan pelaksanaan Pengajaran Terbeza pada tahap rendah. Namun begitu, penerimaan guru-guru terhadap Pengajaran Terbeza pada tahap sederhana tinggi. Penyelidik juga menyatakan bahawa guru-guru berdepan dengan cabaran semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Antara cabaran tersebut ialah batasan memperoleh bahan, tanggapan dan pengurusan masa.

Seterusnya, [Halida dan Zamri \(2021\)](#) menyatakan bahawa guru menerima dan melaksanakan pelbagai kaedah semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. Namun, guru menghadapi cabaran daripada aspek prasarana sekolah pedalaman yang mengekang guru menyediakan bahan-bahan mengikut tahap murid-murid di dalam kelas. Berikutnya, kajian [Safiek \(2021\)](#) menjelaskan bahawa 45 orang guru tadika di Kuala Nerus Terengganu mempunyai penerimaan yang baik terhadap Pengajaran Terbeza. Namun tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza adalah rendah. Menurut penyelidik, guru yang berpengalaman lebih 10 tahun ke atas lebih kerap melaksanakan Pengajaran Terbeza. Penyelidik memberikan cadangan kajian lanjutan yang melibatkan lebih ramai sampel dan kajian perbandingan mengikut jenis prasekolah kerana kajian yang dijalankan hanya melibatkan guru-guru yang mengajar di sekolah tadika aliran agama Islam. Penyelidik juga menyarankan agar kajian akan datang memberi fokus terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru melaksanakan Pengajaran Terbeza. Di samping itu, kajian [Zurina et al. \(2021\)](#) menyatakan bahawa tahap pengetahuan dan amalan guru Pendidikan Islam Zon Selatan berada pada tahap yang sederhana. Pengkaji turut memberikan cadangan kajian lanjutan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat berkaitan Pengajaran Terbeza.

Seterusnya, kajian [Ain Nur \(2021\)](#) menjelaskan bahawa pengetahuan dan kesediaan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru-guru di Kemaman Terengganu adalah pada tahap tinggi. Menurut pengkaji, faktor beban tugas menyebabkan guru kurang bersedia melaksanakan Pengajaran Terbeza. Seterusnya, kajian [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) menunjukkan pengetahuan, penerimaan kesediaan dan amalan Pengajaran Terbeza Guru Pendidikan Khas (GPK) berada pada tahap tinggi. Pengkaji turut memberikan cadangan kajian lebih terperinci secara kualitatif dan kuantitatif atau gabungan agar dapat lebih banyak maklumat. Selain itu, cadangan juga diketengahkan agar kajian yang melibatkan guru-guru sekolah harian atau berasrama penuh dijalankan. Pengkaji akan datang juga disarankan agar melaksanakan kajian untuk mengetahui masalah atau kekangan yang dihadapi oleh GPK.

Dalam sorotan terhadap kajian yang dijalankan di luar negara, terdapat beberapa kajian menentengahkan dapatan yang menunjukkan guru-guru menghadapi pelbagai cabaran semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. [Karam dan Mayada Al-Natour \(2016\)](#) menjelaskan bahawa cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza ialah masa, sumber dan latihan yang kurang. Seterusnya, kajian [Avgousti \(2017\)](#) mendapati cabaran yang dihadapi ialah kekurangan bahan, kekangan masa dan pentadbir yang kurang memberi sokongan. Di samping itu, [Shareefa, Rohani, Nor Zaiham dan Rosmawijah \(2019\)](#) menyatakan cabaran yang dihadapi ialah dari aspek masa, pengetahuan, sumber, saiz kelas, sokongan dan beban kerja. Akhir sekali, [Yousef Al-Shaboul, Manar Al-Azaizeh dan Nasser Al-Dosari \(2020\)](#) mendapati beban pengajaran, saiz kelas dan masa menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza. Oleh itu, cabaran masa adalah persamaan yang dihadapi oleh guru-guru di luar negara semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza di samping cabaran lain seperti beban kerja, sumber, sokongan dan saiz kelas.

Tuntasnya, terdapat pelbagai tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan Pengajaran Terbeza oleh guru-guru di negara ini. Kajian di luar negara berkaitan Pengajaran Terbeza telah menentengahkan dapatan-dapatan tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza. Semua kajian menyatakan faktor masa menjadi kekangan melaksanakan Pengajaran Terbeza di samping faktor-faktor lain.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kaedah tinjauan secara kuantitatif dijalankan bagi mengumpul data daripada responden. Menurut [Chua \(2011\)](#) melalui kajian tinjauan jawapan oleh para peserta kajian dapat dikumpulkan dan dianalisis dalam tempoh masa yang pendek. Malahan, kaedah ini bersesuaian bagi kajian yang melibatkan sampel dalam jumlah yang besar. Borang soal selidik digunakan untuk mengutip data.

3.2. Sampel Kajian

Kaedah sampel rawak mudah diamalkan dan melibatkan seramai 233 orang responden yang telah mengisi borang soal selidik.

3.3. Instrumen Kajian

Terdapat enam bahagian dalam instrumen kajian yang digunakan untuk membuat kutipan data seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah.

Jadual 1: Kandungan Instrumen

Bahagian	Keterangan
A	Profil Responden
B	Tahap pengetahuan terhadap Pengajaran Terbeza
C	Tahap penerimaan terhadap Pengajaran Terbeza
D	Tahap kesediaan terhadap Pengajaran Terbeza
E	Tahap amalan Pengajaran Terbeza
F	Tahap cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza

Instrumen kajian sedia ada berdasarkan kajian [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) digunakan bagi mengukur bahagian A hingga E. Seterusnya, instrumen berdasarkan kajian [Karam dan Mayada Al-Natour \(2016\)](#) diubahsuai dan digunakan untuk mengukur Bahagian F. Item A adalah pilihan tunggal. Manakala Item B hingga F diukur dengan menggunakan skala likert yang terdiri dari 1 hingga 5 mata. Ayat-ayat yang digunakan ringkas dan padat serta dapat difahami dengan mudah.

3.4. Prosedur Kajian

Bagi mengumpul data, penyelidik mengedarkan borang soal selidik dengan bantuan ketua-ketua panitia mata pelajaran sejarah. Ketua-ketua panitia membantu untuk mengingatkan guru mengisi borang soal selidik. Akhirnya, sebanyak 233 borang soal selidik telah dapat dikumpulkan.

3.5. Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan dan seramai 30 orang responden dilibatkan. Kajian rintis bertujuan mengukuhkan kesahan dalam instrumen kajian ([Noraini, 2013](#)). Hasil kajian rintis menunjukkan Alfa Cronbach keseluruhan menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.910 bagi 48 item. Oleh itu, penyelidik dapat terus menggunakan instrumen ini untuk kutipan data yang sebenarnya.

3.6. Analisis Data

Data dianalisis secara deskriptif untuk menjelaskan min, sisihan piawai dan peratus menggunakan perisian SPSS edisi 23.0. Seterusnya, interpretasi skor min yang diadaptasi untuk menerangkan Skor Min ([Rathaneswaary dan Ruhizan, 2022](#)). Keterangan skor min ditunjukkan seperti dalam [Jadual 2](#) di bawah:

Jadual 2: Keterangan Skor Min Berdasarkan

Min	Tahap
0.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Responden

Responden kajian terdiri daripada 233 orang guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Maklumat profil responden seperti yang tertera dalam [Jadual 3](#) di bawah.

Jadual 3: Profil Responden

	Kriteria	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	72	30.9
	Perempuan	161	69.1
Umur (tahun)	25 - 29	6	2.6
	30 - 34	40	17.2
	35 - 39	44	18.9
	40 - 44	42	18.0
	45 - 49	46	19.7
	50 dan ke atas	55	23.6
Tahap akademik	Diploma	19	8.2
	Ijazah	190	81.5
	Sarjana	24	10.3
	1- 5	12	5.2
Pengalaman (tahun)	6-10	50	21.5
	11-15	55	23.6
	16-20	38	16.3
Kategori sekolah	21 ke atas	78	33.5
	Bandar	86	36.9
	Luar bandar	147	63.1

Dapatan kajian menunjukkan seramai 161 orang atau 69.1% responden merupakan guru perempuan dan seramai 72 orang atau 30.9 % adalah guru lelaki. Berikutnya, dari aspek umur responden berumur 50 tahun ke atas paling ramai menjawab soal selidik iaitu berjumlah 55 orang atau 23.6%. Berikutnya, responden berumur 55 hingga 49 tahun seramai 46 orang atau 19.7%. Seterusnya, responden berumur 35 hingga 39 tahun berjumlah 44 orang atau 18.9%, responden berumur 40 hingga 44 tahun berjumlah 42 orang atau 18.0%, responden berumur 30 hingga 34 tahun seramai 40 orang atau 17.2% dan akhir sekali responden berumur 25 hingga 29 tahun hanya berjumlah 6 orang atau 2.6%. Dari aspek kelulusan akademik, golongan yang paling ramai ialah ijazah iaitu 190 orang atau 81.5%. Seterusnya kelulusan diploma seramai 19 orang atau 8.2% dan sarjana seramai 24 orang atau 10.3%. Dari aspek pengalaman, 78 orang atau 33.5% responden berpengalaman 21 tahun ke atas. Seterusnya, 55 orang berpengalaman selama 11 hingga 15 tahun, 50 orang atau 21.5 % berpengalaman antara 6 hingga 10 tahun, 38 orang atau 16.3% berpengalaman antara 16 hingga 20 tahun dan 12 orang atau 5.2% berpengalaman antara 1 hingga 5 tahun. Dari aspek kategori sekolah pula, 147 orang atau 63.1% guru menetap di luar bandar dan 86 atau 36.9% guru yang menetap di kawasan bandar.

Seterusnya, *alfa Cronbach* bagi semua pemboleh ubah yang dikaji dipaparkan seperti dalam [Jadual 4](#) di bawah.

Jadual 4: Kebolehpercayaan Data

Aspek	Alfa	Jumlah Item
Tahap pengetahuan Pengajaran Terbeza	0.829	5
Tahap penerimaan Pengajaran Terbeza	0.921	8
Tahap kesediaan Pengajaran Terbeza	0.962	10
Tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza	0.942	10
Tahap cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza	0.937	15

Keseluruhan	0.933	48
--------------------	-------	----

Jadual 4 menunjukkan alfa keseluruhan bagi lima pemboleh ubah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.933 bagi 48 item dan membolehkan penyelidik menggunakan instrumen ini tanpa sebarang penambahbaikan.

4.2. Tahap Pengetahuan Responden

Dapatan ini menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan Pengajaran Terbeza guru sejarah sekolah menengah di Sabah. Analisis deskriptif adalah seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#) berikut:

Jadual 5: Tahap Pengetahuan Pengajaran Terbeza

Bil	Keterangan	Min	SP	Tahap
B1	Saya tahu tentang konsep Pengajaran Terbeza	3.93	.706	Tinggi
B2	Saya mengetahui elemen Pengajaran Terbeza	3.77	.730	Tinggi
B3	Saya mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan	4.45	.578	Tinggi
B4	Saya mengetahui aras kognitif murid melalui pelaksanaa Pengajaran Terbeza.	4.04	.642	Tinggi
B5	Saya mengetahui kepentingan Pengajaran Terbeza	4.18	.684	Tinggi
Keseluruhan		4.07	.517	Tinggi

Berdasarkan [Jadual 5](#), secara keseluruhannya pengetahuan Pengajaran Terbeza guru adalah pada tahap tinggi iaitu min 4.07 (SP 0.517). Item B3 “*saya mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan*” mencatatkan min paling tinggi iaitu 4.45 (SP 0.578). Diikuti dengan item B4 “*Saya mengetahui aras kognitif murid melalui pelaksanaan Pengajaran Terbeza*” yang mencatatkan min 4.04 (SP 0.642). Berikutnya, item B1 “*Saya tahu tentang konsep Pengajaran Terbeza*” yang mencatatkan min 3.93 (SP 0.706). Manakala item B2 “*Saya mengetahui elemen Pengajaran Terbeza*” mencatatkan min paling rendah iaitu 3.77 (SP 0.730)

4.3. Tahap Penerimaan Responden

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian yang kedua iaitu mengenal pasti tahap penerimaan Pengajaran Terbeza oleh responden. Analisis deskriptif tersebut diterangkan dalam [Jadual 6](#) di bawah:

Jadual 6: Tahap Penerimaan Pengajaran Terbeza

Bil	Keterangan	Min	SP	Tahap
C1	Pengajaran Terbeza adalah pendekatan yang penting masa kini.	4.16	.606	Tinggi
C2	Pengajaran Terbeza membolehkan saya peka akan kepelbagaian murid.	4.24	.582	Tinggi
C3	Pelaksanaan Pengajaran Terbeza ditingkatkan melalui kursus, latihan dan bengkel.	4.53	.602	Tinggi
C4	Saya berminat mendalami tentang Pengajaran Terbeza.	4.42	.666	Tinggi
C5	Pengetahuan dan penguasaan murid ditingkatkan melalui Pengajaran Terbeza	4.40	.595	Tinggi

C6	Pengajaran Terbeza dapat meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran.	4.37	.581	Tinggi
C7	Pengajaran Terbeza meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran.	4.32	.590	Tinggi
C8	Pengajaran Terbeza meningkatkan pemahaman murid terhadap suatu topik yang diajarkan.	4.33	.592	Tinggi
	Keseluruhan	4.35	.484	Tinggi

Berdasarkan lapan item yang diukur, secara keseluruhannya tahap penerimaan responden terhadap Pengajaran Terbeza adalah tinggi iaitu min 4.35 (SP 0.484). Item C3 "*Pelaksanaan Pengajaran Terbeza ditingkatkan melalui kursus, latihan dan bengkel*" mencatatkan min paling tinggi iaitu 4.53 (SP 0.602). Seterusnya diikuti dengan item C4 "*Saya berminat mendalami tentang Pengajaran Terbeza.*" mencatatkan mi 4.42 (SP 0.666). Berikutnya, item C5 "*Pengetahuan dan penguasaan murid ditingkatkan melalui Pengajaran Terbeza*" mencatatkan min 4.49 (SP 0.595), item C6 "*Pengajaran Terbeza dapat meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran*" mencatatkan min 4.37 (SP 0.581), item C8 "*Pengajaran Terbeza meningkatkan pemahaman murid terhadap suatu topik yang diajarkan*" mencatatkan min 4.33 (SP 0.592), item C7 "*Pengajaran Terbeza meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran*" mencatatkan min 4.32 (SP 0.590). Seterusnya, item yang mencatatkan min paling rendah ialah C2 "*Pengajaran Terbeza membolehkan saya peka akan kepelbagaian murid*" yang mencatatkan min 4.24 (SP 0.582) dan C1 "*Pengajaran Terbeza adalah pendekatan yang penting masa kini*" mencatatkan min 4.16 (SP0.606).

4.4. Tahap Kesediaan Melaksanakan Pengajaran Terbeza

Dapatan ini adalah untuk menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu mengenal pasti tahap kesediaan melaksanakan Pengajaran Terbeza oleh responden. Analisis deskriptif tersebut diterangkan seperti dalam [Jadual 7](#) di bawah:

Jadual 7: Tahap Kesediaan Melaksanakan Pengajaran Terbeza

Bil	Keterangan	Min	SP	Tahap
D1	Saya memahami konsep Pengajaran Terbeza.	3.83	.696	Tinggi
D2	Saya boleh menerangkan kepentingan Pengajaran Terbeza	3.76	.744	Tinggi
D3	Saya merancang berdasarkan elemen Pengajaran Terbeza	3.77	.716	Tinggi
D4	Saya mengenal pasti keperluan pelbagai aras murid bagi melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.86	.675	Tinggi
D5	Saya menentukan keperluan untuk menjayakan Pengajaran Terbeza dalam pembelajaran	3.85	.662	Tinggi
D6	Saya menentukan aktiviti bersesuaian dengan Pengajaran Terbeza	3.88	.703	Tinggi
D7	Saya boleh mempelbagaikan pendekatan semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.89	.686	Tinggi
D8	Saya membuat persiapan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan elemen Pengajaran Terbeza	3.72	.747	Tinggi
D9	Saya dapat melaksanakan Pengajaran Terbeza mengikut kesesuaian murid dan persekitaran.	3.81	.671	Tinggi
D10	Saya dapat mengawal dan memantau proses pelaksanaan Pengajaran Terbeza.	3.80	.693	Tinggi
	Keseluruhan	3.82	.604	Tinggi

Dapatan menunjukkan, min keseluruhan sepuluh item bagi mengukur tahap kesediaan guru melaksanakan Pengajaran Terbeza mencatatkan skor min yang tinggi iaitu 3.82 (SP 0.604). Item D7 “*Saya boleh mempelbagaikan pendekatan semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min paling tinggi iaitu 3.89 (SP 0.686). Seterusnya, item D6 “*Saya menentukan aktiviti bersesuaian dengan Pengajaran Terbeza*” menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 3.88 (SP 0.703). Seterusnya, item D4 “*Saya mengenal pasti keperluan pelbagai aras murid bagi melaksanakan Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min 3.86 (SP 0.675), item D5 “*Saya menentukan keperluan untuk menjayakan Pengajaran Terbeza dalam pembelajaran*” mencatatkan skor min 3.85 (SP 0.662), item D1 “*Saya memahami konsep Pengajaran Terbeza*” mencatatkan min 3.83 (SP 0.696), item D9 “*Saya dapat melaksanakan Pengajaran Terbeza mengikut kesesuaian murid dan persekitaran*” mencatatkan skor min 3.81 (SP0.671), item D 10 “*Saya dapat mengawal dan memantau proses pelaksanaan Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min 3.80 (SP 0.693), item D3 “*Saya merancang berdasarkan elemen Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min 3.77 (SP 0.716). Manakala item yang menunjukkan skor terendah ialah D8 “*Saya membuat persiapan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan elemen Pengajaran Terbeza*” yang mencatatkan min 3.72 (SP 0.747) dan item D2 “*Saya boleh menerangkan kepentingan Pengajaran Terbeza*” yang mencatatkan skor min 3.76 (SP 0.744)

4.5. Tahap Pelaksanaan Pengajaran Terbeza

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian yang keempat iaitu mengenal pasti tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza guru-guru sejarah di sekolah menengah di Sabah. Analisis deskriptif ditunjukkan dalam [Jadual 8](#) berikut:

Jadual 8: Tahap Pelaksanaan Pengajaran Terbeza

Bil	Keterangan	Min	SP	Tahap
E1	Saya mengambil kira kepelbagaian murid semasa merancang pengajaran dan pembelajaran.	3.95	.680	Tinggi
E2	Saya menetapkan kandungan pembelajaran mengikut kebolehan murid.	4.03	.646	Tinggi
E3	Saya menentukan proses pembelajaran berdasar tahap murid	4.03	.643	Tinggi
E4	Saya menilai hasil pembelajaran murid secara holistik	3.98	.598	Tinggi
E5	Masa yang cukup untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.41	.831	Tinggi
E6	Sumber yang mencukupi untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza.	3.49	.783	Tinggi
E7	Saya membuat refleksi untuk menambahbaik pelaksanaan Pengajaran Terbeza	3.82	.692	Tinggi
E8	Saya mengaplikasikan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan murid.	3.94	.670	Tinggi
E9	Saya menentukan kandungan, proses dan persekitaran berdasarkan pola Pengajaran Terbeza	3.81	.649	Tinggi
E10	Saya dapat mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan Pengajaran Terbeza	3.82	.656	Tinggi
Keseluruhan		3.83	.557	Tinggi

Dapatan menunjukkan, min keseluruhan bagi 10 item yang diukur mencatatkan skor min yang tinggi iaitu 3.83 (SP 0.557). Antara item yang mencatatkan skor min tertinggi iaitu E2 “*Saya menetapkan kandungan pembelajaran mengikut kebolehan murid.*” mencatatkan skor min 4.03 (SP 0.646). Seterusnya item E3 “*Saya menentukan proses pembelajaran berdasar tahap murid*” mencatatkan skor min 4.03 (SP 0.643). Berikutnya ialah item E4 “*Saya menilai hasil pembelajaran murid secara holistik*” mencatatkan skor min 3.98 (SP 0.598), item E1 “*Saya mengambil kira kepelbagaian murid semasa merancang pengajaran dan pembelajaran*” mencatatkan skor min 3.95 (SP 0.680), item E8 “*Saya mengaplikasikan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan murid*” mencatatkan skor min 3.94 (SP 0.670), item E7 “*Saya membuat refleksi untuk menambahbaikkan pelaksanaan Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min 3.82 (SP 0.692). item E10 “*Saya dapat mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min 3.82 (SP 0.656), item E6 “*Sumber yang mencukupi untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza*” mencatatkan skor min 3.49 (S) 0.783. Manakala bagi item yang mencatatkan skor min yang rendah ialah item E5 “*Masa yang cukup untuk melaksanakan Pengajaran Terbeza*” iaitu 3.41 (SP 0.831) dan item E9 “*Saya menentukan kandungan, proses dan persekitaran berdasarkan pola Pengajaran Terbeza*” dengan min 3.81 (SP 0.649)

Dapatan berikutnya ialah tahap cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza bagi menjawab objektif kajian yang kelima.

4.6. Tahap Cabaran Melaksanakan Pengajaran Terbeza

Dapatan kajian ini bagi menjawab objektif yang kelima iaitu mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza. [Jadual 9](#) menjelaskan analisis deskriptif tersebut.

Jadual 9: Tahap Cabaran Melaksanakan Pengajaran Terbeza

Bil	Keterangan	Min	SP	Tahap
F1	Saya berdepan dengan cabaran masa merancang Pengajaran Terbeza	3.93	.860	Tinggi
F2	Saya menghadapi masalah pengurusan masa melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.85	.888	Tinggi
F3	Saya berdepan dengan cabaran masa membuat persiapan penilaian mengikut keperluan murid yang pelbagai	3.84	.879	Tinggi
F4	Saya menghadapi kekangan masa melaksanakan penilaian berdasarkan kepelbagaian murid	3.81	.890	Tinggi
F5	Saya sukar menentukan strategi pengajaran untuk pelbagai murid	3.63	.901	Tinggi
F6	Saya menghadapi kesukaran melaksanakan pelbagai strategi pengajaran yang sesuai untuk pelbagai murid	3.70	.903	Tinggi
F7	Saya sukar untuk mengubah peranan daripada seorang guru yang menyebarkan ilmu kepada pemudahcara.	3.48	.983	Tinggi
F8	Kekurangan prasarana menjadi kekangan melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.96	.993	Tinggi
F9	ABM / BBM yang terhad menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.97	.944	Tinggi
F10	Saya menghadapi kekangan mendapatkan bahan untuk menghasilkan ABM/ BBM yang sesuai dengan keperluan murid	3.67	.951	Tinggi

F11	Saya berdepan dengan pentadbir yang tidak menyokong pelaksanaan Pengajaran Terbeza	2.94	1.065	Sederhana
F12	Saya berdepan dengan ibu bapa yang tidak menyokong menjayakan Pengajaran Terbeza	3.06	1.087	Tinggi
F13	Keadaan bilik darjah kurang kondusif melaksanakan Pengajaran Terbeza	3.62	1.002	Tinggi
F14	Pelaksanaan Pengajaran Terbeza sukar kerana jumlah murid yang ramai	4.10	.907	Tinggi
F15	Guru sukar melaksanakan Pengajaran Terbeza kerana faktor beban tugas	4.31	.799	Tinggi
	Keseluruhan	3.73	.684	Tinggi

Berdasarkan [Jadual 9](#) di atas, min keseluruhan 15 item yang diukur bagi tahap cabaran yang dihadapi oleh guru ialah pada tahap tinggi iaitu min 3.73 (SP 0.684). Lima halangan utama ialah F15 “Guru sukar melaksanakan Pengajaran Terbeza kerana faktor beban tugas” yang mencatatkan min 4.31 (SP 0.799), item F14 “Pelaksanaan Pengajaran Terbeza sukar kerana jumlah murid yang ramai” yang mencatatkan min 4.10 (SP 0.097), item F9 “ABM / BBM yang terhad menjadi cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza” 3.97 (SP 0.944), item F8 “ Kekurangan prasarana menjadi kenangan melaksanakan Pengajaran Terbeza “ min 3.96 (SP 0.993) dan item F1 “Saya berdepan dengan cabaran masa merancang Pengajaran Terbeza” dengan catatan min 3.93 (SP 0.860). Seterusnya item F2 “Saya menghadapi masalah pengurusan masa melaksanakan Pengajaran Terbeza” mencatatkan skor min 3.85 (SP 0.888), item F3 “Saya berdepan dengan cabaran masa membuat persiapan penilaian mengikut keperluan murid yang pelbagai” mencatatkan skor min 3.84 (0.879), item F4 “Saya menghadapi kekangan masa melaksanakan penilaian berdasarkan kepelbagaian murid” mencatatkan skor min 3.70 “0.903), item F13 “ Persekitaran bilik darjah kurang sesuai melaksanakan Pengajaran Terbeza” mencatatkan min 3.62 (SP 1.002). Manakala lima item yang mencatatkan skor min terendah ialah F11 “Saya berdepan dengan pentadbir yang tidak menyokong pelaksanaan Pengajaran Terbeza” min 2.94 (SP 1.065), F12 “Saya berdepan dengan ibu bapa yang tidak menyokong menjayakan Pengajaran Terbeza” min 3.06 (SP 1.087), F7 “Saya sukar untuk mengubah peranan daripada seorang guru yang menyebarkan ilmu kepada pemudahcara.” 3.48 (SP 0.983), F13 “Keadaan bilik darjah kurang kondusif melaksanakan Pengajaran Terbeza” min 0.62 (SP 1.002), F5 “Saya sukar menentukan strategi pengajaran untuk pelbagai murid” min 0.63 (SP 0.901) dan item F10 “Saya menghadapi kekangan mendapatkan bahan untuk menghasilkan ABM/ BBM yang sesuai dengan keperluan murid” min 3.67 (SP .951)

5. Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan pengetahuan, penerimaan, kesediaan, amalan dan cabaran dihadapi oleh guru sejarah sekolah menengah di Sabah dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza adalah pada tahap yang tinggi.

5.1. Tahap Pengetahuan

Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan responden mengenai Pengajaran Terbeza adalah pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini disokong oleh [Rosidah dan Nurahimah \(2020\)](#) pengetahuan Pengajaran Terbeza guru adalah pada tahap baik. Dapatan tersebut selaras dengan kajian [Ain Nur \(2021\)](#) pengetahuan guru-guru di Kemaman Terengganu melaksanakan Pengajaran Terbeza adalah pada tahap tinggi. Dapatan ini turut disokong oleh [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) yang menyatakan pengetahuan Pengajaran

Terbeza GPK adalah pada tahap tinggi. Seterusnya, berbeza dengan dapatan [Zurina et al. \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan adalah pada tahap sederhana. Selain itu, [Danial Arif \(2020\)](#) menjelaskan bahawa pengetahuan Pengajaran Terbeza guru sekolah rendah di pedalaman pada tahap rendah. Akhir sekali, kajian [Mazura dan Wak \(2018\)](#) turut menjelaskan bahawa pengetahuan Pengajaran Terbeza guru siswa di IPG adalah pada tahap rendah.

5.2. Tahap Penerimaan

Dapatan menunjukkan tahap penerimaan responden terhadap Pengajaran Terbeza adalah tinggi. Dapatan ini disokong oleh [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa penerimaan guru terhadap Pengajaran Terbeza adalah pada tahap tinggi. Seterusnya, [Danial Arif \(2020\)](#) berpendapat penerimaan guru sekolah rendah di kawasan pedalaman 3 Beluran Sabah terhadap Pengajaran Terbeza adalah pada tahap tinggi. Seterusnya, [Safiek \(2021\)](#) menjelaskan bahawa guru-guru sekolah tadika di Kuala Nerus Terengganu mempunyai penerimaan yang baik tentang Pengajaran Terbeza. Namun, [Zurina et al. \(2021\)](#) menjelaskan bahawa tahap penerimaan guru-guru Pendidikan Islam di Zon Selatan adalah sederhana. Pengkaji memberi cadangan agar maklumat berkaitan Pengajaran Terbeza disebarikan dengan lebih meluas bagi meningkatkan amalannya dalam kalangan guru-guru.

5.3. Tahap Kesediaan

Dapatan menunjukkan tahap kesediaan responden terhadap Pengajaran Terbeza adalah tinggi. Hasil ini disokong oleh kajian [Ain Nur \(2021\)](#) serta [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) menjelaskan kesediaan guru melaksanakan Pengajaran Terbeza ialah pada tahap tinggi. Seterusnya, [Suhaimi dan Muhamad Suhaimi \(2020\)](#) menyatakan bahawa beban tugas guru telah menjadi halangan untuk guru melaksanakan Pengajaran Terbeza.

5.4. Tahap Pelaksanaan

Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan Pengajaran Terbeza adalah pada tahap tinggi. Dapatan ini disokong oleh [Rathaneswaary dan Ruhizan \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa tahap amalan pengajaran Terbeza GPK adalah tinggi. Seterusnya, [Niveetha et al. \(2021\)](#) yang menjalankan kajian ke atas 234 orang responden mendapati pendekatan pengajaran guru yang pelbagai dari aspek penggunaan ABM dan pedagogi pada tahap sederhana tinggi. Namun, bertentangan dengan [Danial Arif \(2020\)](#) yang mendapati tahap amalan guru adalah sederhana. Seterusnya, [Rosidah dan Nurahimah \(2020\)](#) menyatakan bahawa amalan Pengajaran Terbeza guru-guru berada pada tahap yang baik. Seterusnya, dapatan [Safiek \(2021\)](#) menunjukkan tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza guru-guru sekolah tadika adalah rendah. Hanya guru-guru yang berpengalaman 10 tahun ke atas lebih kerap melaksanakan Pengajaran Terbeza.

5.6. Tahap Cabaran

Dapatan menunjukkan tahap cabaran yang dihadapi oleh responden semasa melaksanakan Pengajaran Terbeza juga pada tahap yang tinggi. Dapatan menunjukkan lima cabaran yang utama ialah beban kerja guru dan diikuti dengan jumlah murid yang ramai, ABM/ BBM yang terhad, masa dan kekurangan prasarana. Dapatan kajian ini disokong oleh [Danial Arif \(2020\)](#) yang menyatakan batasan memperoleh bahan, tanggapan dan pengurusan masa menjadi cabaran kepada guru-guru melaksanakan

Pengajaran Terbeza. Seterusnya, kajian oleh [Ain Nur \(2021\)](#) turut menyokong dapatan kajian ini. Faktor beban tugas menyebabkan guru kurang bersedia melaksanakan Pengajaran Terbeza di Kemaman Terengganu. Dapatan ini turut disokong oleh kajian [Halida dan Zamri \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa cabaran daripada aspek prasarana sekolah di kawasan pedalaman yang mengekang guru menyediakan bahan mengikut tahap murid.

Hasil kajian luar negara turut menyokong dapatan ini. Menurut [Karam dan Mayada Al-Natour \(2016\)](#) menyatakan cabaran dihadapi ialah beban kerja, jumlah murid yang ramai, sumber yang terhad, pengurusan masa dan kurang sokongan pentadbir dan ibu bapa. Seterusnya, [Avgousti \(2017\)](#) menjelaskan bahawa kekurangan bahan, pengurusan masa dan pentadbir yang kurang memberikan sokongan. Seterusnya, kajian [Shareefa et al. \(2019\)](#) menyatakan cabaran yang dihadapi ialah masa, sumber, pengetahuan, saiz bilik darjah, sokongan, dan beban kerja. Akhir sekali, kajian [Yousef Al-Shaboul et al. \(2020\)](#) menyatakan bahawa kekangan dihadapi ialah beban pengajaran, masa, jumlah murid yang ramai, kelas yang kurang kondusif.

6. Kesimpulan

Hasil kajian mendapati lima aspek yang diukur berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, walaupun tahap pelaksanaan Pengajaran Terbeza adalah tinggi pada masa yang sama cabaran yang dihadapi oleh guru juga adalah tinggi. Senario ini menunjukkan bahawa, guru-guru bermotivasi dan berusaha menunaikan tanggungjawab melaksanakan Pengajaran Terbeza demi mengembangkan potensi murid yang pelbagai walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Tahap amalan Pengajaran Terbeza yang tinggi boleh dikaitkan dengan program perkongsian melalui sesi webinar yang kerap dijalankan sejak akhir-akhir ini telah memberikan guru-guru mendapat banyak pendedahan tentang Pengajaran Terbeza. Antaranya, perkongsian Guru Cemerlang Sejarah yang bertajuk Pengajaran Terbeza Sejarah yang dikendalikan oleh PPD Daro, Sarawak dan Pejabat Pendidikan Hulu Perak.

Cabaran utama menjayakan Pengajaran Terbeza dikaitkan dengan beban tugas, murid yang ramai dalam sebuah bilik darjah, kekurangan ABM/BBM, pengurusan masa dan kekurangan prasarana. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah, PPD, JPN dan KPM khususnya BPG perlu meneliti dapatan kajian ini khususnya cabaran melaksanakan Pengajaran Terbeza. Penelitian perlu disusuli dengan perancangan dan tindakan sewajarnya agar dapat memastikan guru-guru terus bermotivasi. Cabaran tersebut memerlukan rangka penyelesaian lebih proaktif dalam satu jangka masa yang tertentu. Jika tidak, isu ini akan terus berlarutan yang menyebabkan amalan Pengajaran Terbeza turut terjejas.

Sehubungan itu, bengkel, kursus dan latihan yang bersesuaian perlu dilaksanakan secara berterusan agar dapat meningkatkan keupayaan dan kemahiran guru dalam pengurusan masa dan tugas. Seterusnya, program inovasi dan kreativiti perlu dipertingkatkan dan dibudayakan di pelbagai peringkat bagi menggalakkan guru lebih kreatif dan inovatif menghasilkan ABM/BBM yang boleh disesuaikan dengan keperluan murid-murid. Sehubungan itu, pertandingan dan pengiktirafan terhadap guru-guru yang berjaya menghasilkan pendekatan dan bahan inovasi pengajaran dan pembelajaran sewajarnya diteruskan dan dipertingkatkan. Sebagai contoh, pengiktirafan sempena Hari Guru terhad kepada tiga penerima bagi kategori sekolah rendah dan menengah. Oleh itu, pada masa akan datang penganugerahan boleh diperluaskan mengikut bidang mata pelajaran agar lebih ramai guru berpeluang mendapat pengiktirafan yang akan mencetuskan motivasi

yang lebih tinggi. Penggunaan ABM/BBM yang sedia ada secara optimum seperti surat khabar, majalah, buku, *Youtube* dan sebagainya perlu digalakkan. Sehubungan itu, program perkongsian amalan terbaik dalam kalangan guru melalui *Professional Learning Community* (PLC) perlu diteruskan dan dipertingkatkan agar menjadi budaya yang berupaya meningkatkan profesionalisme guru.

Seterusnya, kajian lanjutan boleh dijalankan bagi tajuk yang sama tetapi melibatkan guru sejarah di sekolah rendah. Selain itu, kajian lanjutan untuk meneliti cabaran lain yang dihadapi dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza seperti silibus yang sukar, penggunaan buku teks dan pelaksanaan peperiksaan awam. Seterusnya, kajian yang melibatkan murid-murid untuk mendapatkan pelbagai maklumat tentang Pengajaran Terbeza berdasarkan persepsi murid wajar dijalankan. Justeru, dengan pelbagai lagi kajian lanjutan pada masa akan datang dapat menambah pelbagai lagi maklumat yang berguna bagi memperbaiki kualiti pendidikan negara guru-guru dalam usaha merealisasikan aspirasi pendidikan negara. Kajian lanjutan juga berguna agar dapat dijadikan rujukan untuk merealisasikan penghasilan Modul Pengajaran Terbeza yang dicadangkan dalam kajian sebelum ini.

Akhir sekali, Pengajaran Terbeza terbukti berkesan dalam meningkatkan pencapaian dan motivasi murid. Sehubungan itu, peranan guru amat penting bagi memastikan Pengajaran Terbeza dilaksanakan bagi membolehkan murid dapat melibatkan diri dalam pembelajaran dan mengembangkan potensi diri. Namun, pelbagai cabaran telah dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Pengajaran Terbeza. Oleh itu, semua pihak perlu menyokong usaha dan peranan guru. Setiap pihak sama ada pentadbir sekolah, PPD, JPN, BPG, KPM dan badan bukan kerajaan mempunyai kapasiti masing-masing tentang perancangan dan tindakan sewajarnya. Peranan ibu bapa dan komuniti juga tidak kurang pentingnya untuk sentiasa memberikan sokongan kepada guru dan anak-anak bagi menjayakan Pengajaran Terbeza.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik telah menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ain Nur Atika Agus (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Avgousti. M. (2017). *One size does not fit all: Understanding Differentiated Instruction in an elementary mixed-ability classroom*. Department of Curriculum, Teaching and Learning. Toronto.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Danial Arif Abdul Muttalip (2020). Pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 10(2), 29-42.
- Geviana G. Anak George & Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan amalan guru kelas bercantum di sekolah kurang murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod (2021). Kaedah dan cabaran Pengajaran Terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu Murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77.
- Hall, T (2002). *Differentiated Instruction: Effective Classroom Practices Report, National Center on Accessing the General Curriculum. Office of Special Education Programs. U.S. Department of Education*.
- Karam Siam & Mayada Al-Natour (2016). Teacher's differentiated instruction practices and implementation challenges for learning disabilities in Jordan. *Int. Educ. Stud.*, 9(12), 167-181.
- KPM (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran DSKP: Sejarah Tingkatan 4 dan 5*.
- Mazura Sulaiman & Wak Chu Wok. 2018. Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, 283-294.
- Najiba Abdullah Meyad, Samsilah Roslan, Maria Chong Abdullah & Pabiyah Haji Maming (2014). *The effect of Differentiated Learning method in teaching arabic language on students' motivation. Journal of Social Science Research*, 5(1), 671-678.
- Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad & Norasmah Othman (2021). Pendekatan kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar, pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238.
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan. Edisi kedua*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), 1-20.
- Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd Yusoff (2020). Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan Pedagogi Terbeza guru-guru sekolah menengah zon pantai timur Malaysia. *International Conference Teacher Education*, 2, 9-20.

- Safiek Mokhlis (2021) Persepsi dan pelaksanaan pendekatan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru prasekolah: Satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4 (3), 9-18.
- Shareefa, Rohani Hj Awg Mat Zin, Nor Zaiham Midawati Abdullah & Rosmawijah Jawawi (2019). *Differentiated Instruction: Definition and challenging factors perceived by teachers. 3rd International Conference on Special Education (ICSE 2019). Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 388, 322-327.
- Suhaimi Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat (2020). Faktor tingkah laku pelajar, kekangan masa, beban tugas dan tekanan kerja dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9), 114 – 124.
- Wilma Anak Akam & Faridah Mydin Kutty (2018). Kesan Pembelajaran Terbeza terhadap motivasi dan pencapaian murid dalam topik Daya dalam subjek sains sekolah rendah. *e-Prosiding Kolokium Pendidikan Sains & Psikologi*, 553-560.
- Yousef Al-Shaboul, Manar Al-Azaizeh & Nasser Al-Dosari (2020). *Differentiated Instruction between application and constraints: Teachers' perspective. European Journal of Educational Research*, 10(1), 127 - 143.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman (2021). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 1-11.